

Sinar Negeri KEDAH

Harga bawang naik mendadak

Peniaga dakwa kenaikan disebabkan kurang bekalan dan faktor cuaca di India

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Harga bawang di daerah ini didapati mengalami kenaikan antara 25 hingga 50 peratus sejak tiga minggu lepas.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Besar Alor Setar mendapati harga bawang dijual antara RM3.50 hingga RM12 mengikut jenis.

Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, Mohd Fauzi Sharip berkata, harga bawang naik mendadak sejak tiga minggu lepas disebabkan beberapa faktor termasuklah cuaca.

Menurutnya, harga bawang merah kecil rose dijual sekitar RM12 sekilogram(kg) berbanding sebelum ini hanya RM6.

"Dua jenis bawang merah lagi turut naik harga daripada RM6 kepada RM8 manakala bawang besar dijual RM5 berbanding RM3.50 pada beberapa-

minggu lepas.

"Hanya bawang Holland masih dijual sekitar RM3.50," katanya.

Mohd Fauzi yang juga Pengerusi Pemantau Pengguna Negeri Kedah berkata, harga bawang di kawasan lain turut dijual pada harga hampir sama berdasarkan pemantauan di seluruh Kedah.

"Tidak dinafikan, kebanyakannya pengguna merungut. Bagaimanapun, kami tidak dapat buat apa-apa kerana peniaga juga terpaksa membeli pada harga tinggi daripada pembekal. Jadi kita cuba terangkan kepada pengguna sehingga mereka faham," katanya.

Katanya, kenaikan harga bawang itu juga dipercayai disebabkan akibat kekurangan bekalan.

Mohd Fauzi berkata, pihaknya mendapati harga beberapa jenis sayur-sayuran juga meningkat sejak akhir-akhir ini.

Seorang peniaga, Sum Sew Ling, 48, pula mendakwa, harga tomato, sawi, daun bawang dan timun naik sekali ganda kebelakangan ni.

"Pada minggu lepas, kebanyakannya sayur itu dijual sekitar RM2 ke atas mengikut jenis namun kini terpaksa dijual lebih kurang RM4 ke atas.

"Apabila disoal mengen-

pa kenaikan harga sayur kepada pembekal, kami dimaklumkan ia disebabkan bencana banjir yang berlaku di kawasan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah mengesahkan kenaikan harga bawang.

Ketua Pegawai Pengatuasa KPDNHEP Kedah, Omar Ismail berkata, bagaimanapun pihaknya tidak menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga bawang setakat ini.

Menurutnya, berdasarkan pemantauan, KPDNHEP mendapati faktor cuaca turut mempengaruhi harga bawang.

"Kita menerima bekalan bawang dari China dan India, bagaimanapun bekalan bawang tidak cukup buat masa ini.

"Kualiti bawang juga didapati kurang baik berbanding sebelum ini disebabkan keadaan cuaca dari negara tersebut," katanya.

Omar berkata, bekalan bawang telah diimport dari negara lain seperti Pakistan bagi menangani masalah itu.

Menurutnya, pihaknya mendapati harga bawang jenis rose kini dijual sekitar RM14 sekilogram manakala bawang besar RM4 sekilogram.



Mohd Fauzi menunjukkan bawang merah kecil rose yang kini dijual RM12 sekilogram di Pasar Besar Alor Setar semalam.